


Ahli ekonomi
ramal kerajaan
jimat RM6 bilion
melalui program
subsidi petrol
bersasar **12**



SUBSIDI PETROL BERSASAR

Kerajaan jimat RM6 billion

Sebaik sahaja program subsidi petrol bersasar kepada B40 dilaksanakan

NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM


P erbelanjaan negara dijangka dapat dijimatkan kira-kira RM6 bilion sebaik sahaja program subsidi petrol bersasar kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dilaksanakan kelak.

Pakar ekonomi, Prof Dr Barjoyai Bardai berkata, hasil penjimatan diperoleh daripada subsidi bersasar itu pula boleh dimanfaatkan untuk program pembasmi kemiskinan.

Menurutnya, ia termasuklah bantuan pendidikan, kemahiran dan modal perniagaan bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi golongan miskin serta miskin tegar.

"Sebenarnya pelaksanaan program subsidi petrol bersasar kepada golongan miskin ini seharusnya telah lama dibuat.

"Ini kerana ia dapat mengurangkan jumlah subsidi yang diberikan berbanding dengan hari ini yang jumlahnya melebihi RM7 bilion tetapi selepas subsidi petrol bersasar dilaksanakan, mungkin (perbelanja-



Sudah tiba masanya untuk kerajaan beri subsidi petrol kepada golongan yang benar-benar miskin dan berpendapatan rendah.



BARJOYAI

an negara untuk subsidi minyak) akan turun menjadi RM1 bilion," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Mengulas lanjut, Barjoyai yang juga pensyarah Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak) berkata, sudah tiba masanya untuk kerajaan memberikan subsidi petrol kepada golongan

yang benar-benar miskin dan berpendapatan rendah.

"Perkara subsidi petrol bersasar memang wajar diberikan kerana kerajaan selama ini memberikan subsidi sehingga hari ini kepada semua tanpa mengira latar belakang termasuklah golongan berada," katanya.

Terdahulu, seramai dua juta rakyat terdiri daripada penerima Bantuan Sarawak Hidup (BSH) dilaporkan akan menikmati petrol subsidi bersasar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dijangka mengumumkan butiran penuh mengenainya esok.